

BANKATAKAFUL



M-Tiara Intizam Selangkah Ke Hadapan



Lipat untuk melindungi akaun PIDM

www.muamalat.com.my
1-300-88-8787
Bank Muamalat (Malaysia Berhad) (6175-W)

ASB kompas
DRB-HICOM



Konsep Takaful

Takaful merupakan permuafakatan sekumpulan individu untuk saling menjamin dan membantu antara satu sama lain bagi memenuhi keperluan tertentu yang dipersetujui dari kalangan mereka seperti pampasan bagi sesuatu musibah yang menimpa serta keperluan kewangan lain. Permuafakatan ini melibatkan sumbangan wang caruman berasaskan konsep Tabarru' (pemberian secara sukarela) oleh kesemua peserta takaful.

Rancang Awal dan Simpan untuk Bekalan Masa Depan

Berkeluarga adalah satu pengalaman yang merubah kehidupan anda, dengan pelbagai keutamaan dan tanggungjawab baru, yang seiring dengan perjalanan hidup bersama sebagai satu unit.

Di peringkat ini, ia seakan berjalan seperti yang dirancang dan ia merupakan saat yang menggembirakan - tetapi ia juga merupakan zaman mencabar untuk kewangan anda. Komitmen bulanan dan perbelanjaan harian anda cukup besar dan anda harus berusaha untuk memastikan ianya sentiasa berterusan. Anda harus menetapkan keutamaan kewangan anda dan berusaha sedaya upaya untuk mencapai matlamat tersebut.

Masa yang paling sesuai untuk melindungi keperluan kewangan anda di masa hadapan adalah apabila anda dan pasangan anda masih muda dan sihat. Bertindak terlalu lambat mungkin menyebabkan anda terpaksa menanggung kos yang tinggi, jadi rancanglah awal untuk masa depan kewangan keluarga anda.

Menyara sebuah keluarga sememangnya memerlukan banyak perbelanjaan, jadi idea menyimpan mungkin sukar dilakukan tetapi ia adalah penting untuk menerapkan tabiat ini dari awal supaya anda mempunyai sumber kewangan sebagai pelan sokongan apabila anda memerlukannya.

Jom, kita merancang awal bersama.

M-Tiara Intizam

Manfaat sepintas lalu

- Tiada pengunderaitan perubatan
- Dapatkan perlindungan sehingga RM 247,500
- Khidmat Tambahan
- Manfaat Matang
- Manfaat Kematian akibat Kemalangan
- Manfaat Kematian

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat

Caruman Mampu Bayar	Tentukan tahap perlindungan mengikut umur anda.										
	Umur Hari Lahir Berikutnya(Caruman Tahunan (RM))										
	19 - 25	26 - 35	36 - 45	46 - 55	RM150	RM200	RM300	RM400	RM500	RM600	RM750
	49,500	66,000	99,000	99,000	132,000	165,000	198,000	247,500	247,500	247,500	247,500
	45,000	60,000	90,000	90,000	120,000	150,000	180,000	225,000	225,000	225,000	225,000
	31,500	42,000	63,000	63,000	84,000	105,000	126,000	157,500	157,500	157,500	157,500
	22,500	30,000	45,000	45,000	60,000	75,000	90,000	112,500	112,500	112,500	112,500
Manfaat Matang	Pada tarikh kematangan sijil, anda akan menerima sebarang jumlah dalam Akaun Unit Peserta PUA ¹ , jika ada.										
Manfaat Kematian	Sekiranya berlaku kematian, waris anda akan menerima sejumlah amaun sekaligus seperti tertera dibawah:										
	Tahun Sijil	Kematian akibat kemalangan				Kematian bukan akibat kemalangan					
	1 dan 2	100% daripada Jumlah Perlindungan Asas; DAN sebarang jumlah yang ada dalam PUA				Pembayaran balik baki dalam PUA serta sebarang caj yang ditolak untuk Yuran Wakalah, Tabarru' dan Caj Perkhidmatan.					
	3 dan seterusnya	100% daripada Jumlah Perlindungan Asas; DAN sebarang jumlah yang ada dalam PUA									
Manfaat Kematian akibat Kemalangan (ADB)	Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan, waris anda akan menerima sehingga 200% daripada Jumlah Perlindungan Asas seperti yang tertera dibawah:										
	Kematian akibat kemalangan						ADB				
	Kematian akibat kemalangan ke atas Orang yang Dilindungi semasa dalam perjalanan menaiki pengangkutan awam (selain daripada kereta kabel, teksi, kereta sewa atau apa-apa bentuk pengangkutan sewa khas untuk perjalanan peribadi) atau di dalam lif elektrik atau akibat daripada pembakaran bangunan awam										
	Kematian akibat kemalangan yang lain						100% daripada Jumlah Perlindungan Asas				
Khidmat Tambahan	Khidmat Badal Haji										
	Sekiranya anda meninggal dunia, kami akan memastikan kewajipan Haji anda akan ditunaikan oleh penama atau pihak ketiga. Khidmat ini adalah pilihan tambahan dan anda harus mengisi Borang Perkhidmatan Badal Haji untuk memilih perkhidmatan ini.										
	<i>**terhad kepada orang Islam sahaja dan Jumlah Perlindungan Asas mestilah mencukupi untuk pematangan bagi perkhidmatan ini.</i>										
	Khidmat Wakaf										
	Sekiranya berlaku kematian, satu amaun yang telah dipersetujui anda daripada Jumlah Perlindungan Asas, akan disalurkan kepada Bank Muamalat Malaysia Berhad bagi tujuan ini. Anda berhak memberi sehingga 30% daripada Jumlah Perlindungan Asas anda.										

Nota: Terakluk pada terma dan syarat

¹ Jumlah Perlindungan Asas dibayar daripada Dana Tabarru'. Dana Tabarru' merujuk kepada kumpulan dana yang diwujudkan bagi tujuan perpaduan dan kerjasama antara peserta yang digunakan untuk membantu semua peserta seandainya berlaku perkara yang tidak diingini.

² Akaun Unit Peserta adalah akaun bagi unit yang diperuntukkan, bergantung kepada jumlah caruman yang dibayar.

Senario ringkas M-Tiara Intizam

Shahrin berumur 33 tahun, sudah berkahwin dan mempunyai anak kembar berumur 2 tahun. Untuk menjamin masa depan dan kesejahteraan keluarganya, dia perlu bersedia dari segi kewangan dan jimat di mana yang boleh. Dia sudah mempunyai pelan perubatan bagi mereka sekeluarga dan ingin menambahkan portfolio perlindungannya. Kemudian dia terdengar mengenai M-Tiara Intizam, sebuah pelan berkait-pelaburan yang dapat memberinya yang terbaik dari segi simpanan ataupun perlindungan.

Shahrin mengambil keputusan untuk mencarum sebanyak RM300 sebulan (RM3,600 setahun) dan Jumlah Perlindungan Asasnya adalah sebanyak RM90,000. Dia sedar bahawa sekiranya terdapat sebarang perkara yang tidak diingini berlaku kepadanya, warisnya akan menerima sehingga 300% dari jumlah perlindungannya. Dia yakin bahawa keluarganya akan dapat meneruskan corak kehidupan mereka yang terkini tanpa menanggung sebarang beban kewangan di masa hadapan.

Pilihan Dana

Dana i-Makmur

Dana yang dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap Islam, contohnya sukuk kerajaan dan korporat (berkadar dari 40% hingga 100%) serta deposit Islam. Dana ini bertujuan untuk memberi pulangan yang konsisten dengan tahap mudah ubah yang rendah. Walaupun dana dilaburkan terutamanya di Malaysia, sebahagiannya boleh dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap luar negara yang diluluskan Syariah (sehingga 50%) untuk memperbaiki pulangan dana. Dana i-Makmur hanya dilaburkan dalam sekuriti yang berlandaskan Syariah.

Dana i-Mekar

Dana di mana 80% sehingga 100% daripada pelaburan adalah dalam ekuiti yang berlandaskan Syariah, yang mudah ubah dalam jangka pendek. Dana ini berupaya mencapai peningkatan modal jangka pertengahan hingga jangka panjang. Walaupun dana dilaburkan terutamanya di Malaysia (80%-100%), sebahagiannya boleh dilaburkan di Singapura (sehingga 25%) dan Hong Kong (sehingga 25%), sekiranya dan apabila diperlukan, untuk memperbaiki pulangan dana. Dana i-Mekar hanya dilaburkan dalam sekuriti yang berlandaskan Syariah.

Dana i-Majmuk

Dana yang dilaburkan dalam campuran ekuiti yang berlandaskan Syariah, sekuriti pendapatan tetap Islam dan deposit Islam. Terdapat fleksibiliti dalam peruntukan aset memandangkan dana ini boleh dilaburkan hanya dalam sekuriti pendapatan tetap Islam atau ekuiti yang berlandaskan Syariah. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang, dengan tahap mudah ubah sederhana. Dana i-Majmuk hanya dilaburkan dalam sekuriti yang berlandaskan Syariah.

Dapatkan Ganjaran dengan Lebih Pengunderaitan dan Keuntungan Pelaburan

Dengan M-Tiara Intizam, sebarang lebih pengunderaitan daripada Dana Tabarru' setelah melakukan penyesuaian yang sesuai untuk tujuan kecemasan akan dikongsi antara semua peserta dan Pengendali Takaful dengan nisbah 50:50. Bahagian anda daripada lebih tersebut akan dikreditkan semula ke dalam PUA.

Semua keuntungan Pelaburan (jika ada) daripada Tabarru' akan dikreditkan ke dalam PUA dan sebarang kerugian akan di bawa ke hadapan dan akan diambilkira sebelum dimasukkan dalam pengiraan lebih pengunderaitan atau defisit pada tahun seterusnya. Semua keuntungan atau kerugian (jika ada) dari PUA

Nota: Lebih pengunderaitan dan keuntungan pelaburan akan dikira secara tahunan.

Nikmati Pelepasan Cukai

Manfaat yang diterima daripada M-Tiara Intizam tidak dikenakan cukai dan caruman yang dibayar mungkin layak mendapat pelepasan cukai.

Nota: Pelepasan Cukai tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan Malaysia 1967, dan keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Soalan Lazim

S: Apakah keistimewaan M-Tiara Intizam?

J: M-Tiara Intizam adalah satu pelan yang mudah dan tidak memerlukan pengunderaitan perubatan. Bergantung kepada umur anda, jumlah caruman dan Jumlah Perlindungan Asas adalah tetap. Perlindungan untuk kematian adalah sehingga 300% daripada Jumlah Perlindungan Asas.

S: Kenapa anda harus mengambil M-Tiara Intizam?

J: Sekiranya anda ingin mengambil perlindungan yang lebih, walaupun anda telah pun mempunyai perlindungan yang mencukupi untuk keluarga anda dan tidak mahu dibebani dengan permintaan pengunderaitan perubatan, ini adalah pelan yang khas untuk anda. Pulangan daripada pelaburan anda bergantung kepada selera risiko anda.

S: Apakah umur kemasukan minimum dan maksimum?

J: Umur minimum adalah 19 tahun pada hari lahir berikutnya dan maksimum adalah 55 tahun hari lahir berikutnya.

S: Bagaimanakah saya boleh membuat caruman?

J: Anda boleh membuat caruman melalui GIRO/Autodebit, DDA dan kad kredit secara tahunan, separuh tahunan, suku tahunan atau bulanan. Cek dan tunai hanya dibenarkan bagi caruman tahunan sahaja.

Nota: Tertakluk kepada terma dan syarat.

S: Apakah yuran dan caj yang dikenakan?

J: Caj Pendahuluan (Yuran Wakalah)

Caj Pendahuluan adalah caruman yang tidak diperuntukkan dan digunakan untuk memenuhi perbelanjaan Pengendali Takaful dan kos pengagihan terus.

Caruman yang perlu dibayar (Tahun)	Caj Pendahuluan (% daripada caruman Takaful*)	Caj Pendahuluan (% daripada Imbangan*)
Tahun Pertama	55	5
Tahun Ke-2 dan Ke-3	30	5
Tahun Ke-4 sehingga Tahun Ke-10	10	5
Tahun Ke-11 dan seterusnya	0	5

**Caruman Keseluruhan = Caruman Takaful (50% daripada Caruman Keseluruhan) + Imbangan (50% daripada Caruman Keseluruhan)*

Tabarru':

Tabarru' berbeza mengikut umur yang dicapai dan jantina Orang yang Dilindungi. Tabarru' ditolak secara bulanan daripada nilai unit dalam PUA.

Caj Perkhidmatan:

Caj perkhidmatan sebanyak RM6.36 (termasuk CBP) akan ditolak pada setiap permulaan bulan sijil, dengan membatalkan unit yang telah diperuntukkan bagi sijil daripada PUA, dinilai pada Nilai Aset Bersih pada tarikh penilaian yang berikutnya.

Caj Pengurusan Dana:

Caj Pengurusan Dana akan ditolak daripada PUA pada setiap penilaian aset sebelum menentukan NAV. Harga unit akan menentukan potongan.

Kod Dana	Jenis Dana	Caj Pengurusan Dana (%)
01	Dana i-Makmur	0.50
02	Dana i-Mekar	1.45
03	Dana i-Majmuk	1.25

Nota: Caj-caj di atas tertakluk kepada semakan semula dan anda akan diberikan notis bertulis sekurang-kurangnya 30 hari.

S: Apakah pengecualian yang terdapat di dalam sijil ini?

J: Pengecualian bagi Manfaat Kematian

Anda tidak akan menerima sebarang manfaat dalam kejadian membunuh diri sama ada waras atau tidak waras, dalam tempoh satu (1) tahun bagi perlindungan Takaful.

Pengecualian bagi Manfaat Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK)

Anda tidak akan menerima sebarang manfaat di bawah Sijil ini jika HUPK Orang yang Dilindungi:

- bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ketika waras atau tidak waras; atau
- penyakit badan atau gangguan mental atau fungsian atau sebarang jenis sakit atau penyakit, atau sebarang jangkitan, selain daripada jangkitan yang berlaku serentak dengan dan akibatnya belahan atau luka kemalangan; atau
- daripada kelahiran anak, kehamilan dan/atau sebarang komplikasi daripadanya.

Nota: Senarai pengecualian adalah tidak menyeluruh. Untuk senarai penuh pengecualian, sila rujuk sijil yang dikeluarkan oleh Pengendali Takaful.

Notis Penting

1. **M-Tiara Intizam** adalah pelan Takaful Keluarga dengan caruman berkala yang matang pada umur 75 tahun hari lahir berikutnya beserta manfaat kematian akibat kemalangan atau bukan kemalangan. **Pelan ini adalah produk Takaful Keluarga yang dikaitkan dengan prestasi aset, dan bukan produk pelaburan seperti unit amanah.**
2. Caruman dibayar sehingga umur 75 tahun hari lahir berikutnya atau sehingga kematian, yang mana terdahulu.
3. Anda boleh berhenti mencarum dan masih menikmati perlindungan selagi terdapat nilai yang mencukupi dalam PUA untuk membayar Tabarru' dan Caj Perkhidmatan, jika berkenaan.
4. Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan caruman yang dibayar di bawah sijil ini adalah jumlah yang anda mampu bayar.
5. 'Tempoh rujukan percuma' selama 15 hari daripada **tarikh penghantaran sijil** diberi kepada anda untuk meneliti kesesuaian pelan. Jika sijil ini dikembalikan kepada Pengendali Takaful dalam tempoh ini, Pengendali Takaful akan mengembalikan suatu jumlah yang bersamaan dengan jumlah caruman yang dibayar bersamaan:
 - i. Sebarang caruman yang tidak diperuntukkan;
 - ii. Jumlah Nilai Akaun sijil ini;
 - iii. Sebarang Tabarru' dan caj Perkhidmatan yang telah ditolak.
6. Anda boleh menerima baki jumlah dalam PUA apabila pelan ditamatkan atau telah matang, yang mungkin akan kurang daripada jumlah caruman yang diperuntukkan ke dalam PUA. Tiada manfaat akan dibayar dari Dana Tabarru'.
7. Jumlah di dalam PUA adalah berdasarkan prestasi sebenar dana dan tidak dijamin. Risiko pelaburan di bawah pelan ini akan ditanggung oleh anda dan jumlah PUA mungkin berkurangan daripada jumlah caruman yang dicarum ke dalam dana.
8. Jika anda menyerahkan sijil anda pada tahun yang awal, anda mungkin mendapat kurang daripada jumlah yang anda telah bayar.
9. Jika anda beralih sijil anda daripada satu Pengendali Takaful kepada yang lain atau anda mengganti sijil semasa anda dengan sijil lain dalam Pengendali Takaful yang sama, anda mungkin perlu menghantar permohonan di mana penerimaan cadangan anda adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan pada masa penukaran atau penggantian.

Risalah ini adalah untuk maklumat am sahaja dan bukanlah satu kontrak takaful keluarga. Anda dinasihatkan untuk merujuk Ilustrasi Manfaat, Risalah Pemberitahuan Produk dan contoh sijil bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri penting dan manfaat pelan sebelum menyertai pelan ini.

Semua dana dilaburkan dalam sekuriti yang patuh Syariah.

M-Tiara Intizam, merupakan produk yang patuh Syariah.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Pelan ini diedarkan oleh:

Bank Muamalat Malaysia Berhad

Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka
50100 Kuala Lumpur

Untuk menyertai, sila hubungi **1 300 88 8787**, lawati mana-mana cawangan Bank Muamalat atau layari **www.muamalat.com.my** untuk keterangan lanjut, terma dan syarat.

Pelan ini ditajajamin oleh Great Eastern Takaful Berhad.

Mengenai Great Eastern Takaful

Great Eastern Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang menyediakan perlindungan bagi pelan Takaful Keluarga dan pelan perubatan dan kesihatan. Pengendali Takaful ini telah ditubuhkan pada Disember 2010 dan didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Ianya disokong oleh 2 institusi utama di Malaysia, Kumpulan Great Eastern, yang merupakan kumpulan insurans terbesar dan tertua di Malaysia dengan pengalaman melebihi 100 tahun, dan Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad, salah satu syarikat koperasi yang terbesar di Malaysia dan mempunyai lebih daripada 140,000 ahli.



Ibu Pejabat:

GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD(916257-H)

Tingkat 3, Menara Great Eastern

303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

Tel: (603) 4259 8338 Fax: (603) 4259 8808

Careline: 1300 13 8338

Emel: i-greatcare@greateastertakaful.com

Laman Web: www.greateastertakaful.com



Great Eastern Takaful Berhad ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang dilindungi di bawah sijil takaful yang ditawarkan oleh Great Eastern Takaful Berhad dilindungi daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan ahli penginsurans. Untuk maklumat lanjut mengenai had dan skop perlindungan ini, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada Great Eastern Takaful Berhad atau layari laman web PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).